

25/02/2003

Iraq mahu haram perang dalam perlembagaan

IRAQ mahu pendirian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

dalam menggesa anggota NAM mengharamkan peperangan, dimasukkan sebagai satu peruntukan dalam perlembagaan pergerakan itu.

Menteri Luarnya, Naji Sabri, berkata Dr Mahathir telah meletakkan satu asas yang kukuh kepada NAM, iaitu bagaimana pergerakan itu perlu bergerak, terutama dalam membawa keamanan dan pembangunan untuk kebaikan seluruh masyarakat dunia.

"Kenyataan Dr Mahathir jelas membayangkan semangat yang perlu ada dalam

NAM. Jika kita mahu menyuburkan semula pergerakan ini, kita perlu lihat dan baca secara terperinci perkataan yang digunakan beliau.

"Sebagaimana yang kita semua mahu lihat, NAM harus memainkan peranan dalam mengeluarkan visi dan pendirian lebih kukuh," katanya kepada pemberita selepas perasmian Sidang Kemuncak NAM, semalam.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menegaskan bahawa dunia patut dibebaskan daripada belenggu kepercayaan lapuk bahawa membunuh manusia boleh menyelesaikan masalah hubungan antara negara dan meminta NAM berjuang mengharamkan peperangan.

Dr Mahathir juga meminta NAM berusaha untuk mengharamkan senjata nuklear, menghentikan penyelidikan dan pembangunan lebih banyak senjata konvensional yang membawa maut dan perdagangan senjata.

Mengenai perkara ini, Naji enggan mengulas, sebaliknya berkata, peperangan adalah musuh kepada mereka yang mempromosikan idea mengenainya.

"Keamanan sepatutnya menjadi keinginan semua orang," katanya sambil menegaskan bahawa serangan yang akan dilancar Amerika Syarikat ke atas negaranya adalah peperangan ke atas umat Islam dan kemanusiaan.

Beliau berkata, Iraq bukanlah sebuah negara kecil yang baru wujud sepuluh tahun lalu, tetapi kewujudan Iraq sudah sekian lama iaitu lebih daripada 10,000 tahun.

"Iraq sudah mencipta ketamadunan. Iraq juga adalah negara asal lahirnya ramai rasul Allah. Jadi, peperangan ini sebenarnya satu peperangan kepada sebuah negara Islam," katanya.

Mengenai kenyataan antiperang yang akan dikeluarkan pada sidang ini, Naji berkata Amerika perlu mendengar secara teliti permintaan NAM dalam membantah perang.

"Ya (saya yakin mereka dengar) kerana pergerakan ini sebagaimana seluruh masyarakat dunia kini membantah usaha mereka (Amerika).

"Jika sesiapa juga yang mendakwa mereka adalah demokratik dan bertamadun, mereka perlu mendengar permintaan untuk menghentikan peperangan," katanya.